

Sifat Cinta dan Benci Kerana Allah

Tumbuhnya parti-parti siasah di tanah air kita ini maka sifat benci-membenci kepada sesuatu golongan itu semakin meluas. Berjiran jadi putus, bersaudara jadi bercerai disebabkan salah satu di antara mereka menganut lain-lain faham politik. Sangat payah kita mendapati orang-orang sekarang yang menjalankan ajaran-ajaran Islam bahawa ia tidak membenci sesuatu melainkan kerana Allah dan tidak mencintai sesuatu melainkan kerana Allah.

Bagi mereka-mereka yang sedang mabuk dengan suasana siyash di sekelilingnya, hendaklah melapangkan dadanya, menghormati pengertian-pengertian orang lain. Kita sesama manusia masing-masing mempunyai kefahamannya sendiri-sendiri, tetapi di dalam banyak berlainan fahaman itu sebanyak sedikitnya ada pula yang sama. Dengan pengertian yang sama itulah diikat dan dijalankan untuk faedah bersama dengan menjauhkan sama sekali dibawa-bawa faham berkaum-kaum ataupun perkara-perkara yang berlainan-berlainan pendapat itu.

Cintailah sesuatu itu dengan kerana Allah dan bencikan sesuatu itu dengan kerana Allah. Allah memberi pertunjuk dengan jelasnya di dalam perkara ini sebagai suatu dasar yang menjadi panduan untuk kita berfikir dan bekerja. Dasar cinta dan benci kepada Allah itu dapat ditatap seperti di bawah ini:

- a) Firman Allah (maksudnya): *Tiada engkau dapati sesuatu kaum yang beriman akan Allah dan Hari Kesudahan, mahu berkasih-kasih dengan orang-orang yang memusuhi (menentang) Allah dan rasul-Nya, walaupun orang-orang yang memusuhi itu bapanya, anak-anaknya, saudara-saudaranya atau keluarganya. Orang-orang yang beriman itu telah telah dimeteraikan iman dalam jiwanya dan telah dikukuhkan pula dengan kekuatan Allah. Allah akan memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; kekal mereka di dalamnya. Allah meredai mereka mereka pun meredai Allah. Mereka jemaah Allah. Ketahuilah bahawa jemaah Allah itulah yang dapat kemenangan.*” (Q – al-Mujādalah)

- b) Sabda Rasulullah (S.A.W) – maksudnya: *Tujuh orang dinaungi Allah di dalam naungan-Nya pada hari yang tidak ada naungan lagi selain daripada naungan Allah sendiri (1) Ketua negara yang adil, (2) pemuda yang besar dalam beribadat kepada Allah, (3) orang-orang yang jiwanya berkaitan dengan masjid-masjid, (4) orang yang berkasih-kasih kerana Allah, berhimpun kerana Allah dan bercerai pun kerana Allah; orang yang diajak perempuan yang berkedudukan sempurna dan cantik, lalu menolak dengan jawapan: saya takut akan Allah; (6) orang yang bersedekah dengan sesuatu sedekah dengan menyembunyikannya, sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang dikeluarkan oleh-oleh dengan kanannya; dan (7) orang-orang yang menyebut Allah dan selawat lalu mencururkan air matanya.*

(Riwayat Bukhārī).

- c) Sabda Rasulullah (S.A.W) – maksudnya: *Bahawasanya di antara hamba-hamba Allah ada manusia yang bukan nabi, bukan syahid tetapi kedudukannya sangat bagus di sisi Allah. Sahabat-sahabat Nabi bertanya: Siapakah orang itu ya Rasulullah jawab Nabi, itulah orang-orang yang berkasih-kasih dengan kerana Allah semata-mata, bukan kerana kekeluargaan dan bukan pula kerana harta. Demi Allah muka mereka bersinar-sinar, tidak merasa takut tatkala manusia sangat ketakutan. Sesudah itu Nabi membaca ayat (ertinya: Ketahuilah bahawa wali-wali (penolong-penolong) Allah tiada*

dikhuatirkan apa-apa terhadapnya, dan tiada bimbang.” (Riwayat Abū Dawd)

- d) Sabdanya: *Barang siapa cinta kerana Allah dan benci kerana-Nya, memberi kerana Allah dan menahan kerana-Nya, adalah orang itu memperoleh kesempurnaan iman.*”
- e) “Hai Abū Dhar, manakah simpulan dan ikatan yang sangat kukuhnya? Kata Abū Dhar: Allah dan rasul-Nya yang lebih mengetahui. Kata Nabi (S.A.W): Berkasih-kasihan kerana Allah, cinta kerana Allah dan benci kerana Allah.

Pengertian Cinta dan Benci Kerana Allah

Bagaimanakah kita cinta dan benci kerana Allah itu jawabnya: Mencintai kerana Allah ialah mencintai seseorang yang telah atau ada melaksanakan segala kewajipan agama; membenci kerana Allah ialah kerana seseorang itu tidak memenuhi kewajipan (tidak melaksanakan) kewajipan agama.

Ini ialah sendi akhlak Islam dan sendi hidup bahagia iaitu apabila perkara yang tersebut masih dijalankan oleh kaum Muslimin. Dalam masa permulaan Islam kaum Muslimin mencintai seseorang kerana Allah dan pada Allah. Mereka memberi pertolongan kepada orang-orang yang dicintainya itu supaya bertambah-tambah taatnya. Mereka membenci seseorang kerana Allah dan pada Allah, supaya kebenciannya menjadi sepenting-penting sebab insaf dan sedar oleh orang yang dibenci itu, yang menyebabkan ia boleh berbalik kepada keutamaan serta kelurusan.

Rahsia Membenci Kerana Allah

Apabila seorang cinta kerana Allah maka dengan sendirinya akan timbul bahawa ia membenci juga kerana Allah. Ini telah kebiasaan dan teradat. Perkara yang patut diperhatikan ialah keadaan orang-orang yang bercampur baur di antara ketaatannya dan maksiatnya. Bagaimanakah sikap kita kepada orang-orang yang demikian itu? Kita bencikah atau kita cintai? Mengadapi keadaan seperti ini hendaklah ditinjau daripada beberapa sudut. Kita tentang sifat-sifat buruknya dengan kebencian dan kita hadapi sifat baiknya dengan sepadannya. Bergaul dengan orang yang seperti ini

dengan cara yang sederhana jua. Jangan ditunjukkan sangat yang kita mencintainya dan jangan pula ditunjukkan sangat yang kita membencinya. Hadapilah mereka dengan tenang, tawar dan janganlah ditunjukkan sangat yang kita suka kepadanya.

Kita janganlah memuliakannya seperti kita memuliakan orang yang menyintai kerana Allah dan janganlah kita hinakan sebagai kita menghinakan orang yang kita benci kerana Allah.

Melaksanakan benci kerana Allah terhadap kepada seseorang itu ialah dengan tak suka kita bercakap banyak dengannya. Kita hanya bercakap mana-mana yang perlu sahaja. Satu-satu kali kita mengeluarkan perkataan yang keras – maksudnya: yang buruk kita halangi daripada tercapai olehnya.

Di dalam pada itu hendaklah seseorang itu menimbang manakah sikap yang lebih baik dan padan dengan diri seseorang, dengan tidak boleh melupakan kehalusan budi dan sifat lemah lembut yang menarik, yang harus akan membawa keinsafan dan kesedaran.

Perlu pula diperingatkan bahawa di antara sifat-sifat yang buruk ialah: memburuk-burukkan orang yang berbuat salah bukan kerana kesalahannya, hanya kerana mendatangkan¹ keuntungan kepada kita; dan memuja orang yang berbuat baik, bukan kerana kebajikannya, hanya kerana ia menguntungkan kita.

Budi yang sejati apabila diamalkan dengan sebaik-baiknya oleh umat maka penyakit taksuf akan hilang dan penyakit *'asabiyyah* yang berlebih-lebihan akan musnah. Jika kita benci dan cinta kerana Allah tentulah kita hanya berdiri di pihak kebenaran; tentulah kita tetap akan memusuhi kebatilan. Dengan budi yang mulia ini akan hilang rasa berpihak kepada parti atau golongan.

Kerap kali kita lihat bahawa kerap kali manusia itu lebih hebat digerakkan oleh golongan (parti) daripada oleh gerakan kebenaran. Dengan mudah kita lihat anggota-anggota parti bersatu padu dan berikat menandatangani perjanjian yang dibuat untuk kepentingan partinya, sekalipun yang demikian menyalahi kebenaran yang nyata.

(Sambungan pada muka 33)

¹ Perkataan sebenar ialah mendatangkan.

(Sambungan dari muka 8)

Bukan sedikit pula kita jumpai mereka itu yang bermandikan ayat dan hadith, menggerakkan umat dengan tenaga parti untuk menentung¹ sesuatu yang hak yang menyinggung partinya dan anggota-anggotanya.

Peribadi yang hanya mencintai sesuatu kerana Allah (kerana benar) dan membenci sesuatu kerana Allah (kerana berlawanan dengan keredaan Allah), sentiasa melihat jauh ke hadapan; sentiasa memanjangkan fikiran di dalam masa yang perlu mengambil sesuatu langkah. Peribadi ini selalu mencari keredaan Tuhan! Ia sentiasa berharap kepada hidayah Allah.


Seterusnya, selama manusia itu mengutamakan keredaan atas kepentingan diri dan parti, selama itulah manusia tidak mewujudkan budi “cinta dan benci kerana Allah” seperti yang dikehendaki oleh Allah.

Menurut keadaan yang terang dan nyata, bahawa umat sekarang dipengaruhi sangat oleh kebendaan, baik mereka dengan tegas-tegas memasuki golongan yang memperjuangkan kebendaan itu ataupun mereka yang menamakan diri mereka pejuang yang *idealist*. Kerana itu, banyaklah mereka yang menyertai kebenaran,, menyeru manusia kepada kebenaran, kerana dengan demikian akan terbuka pintu naik dan maju kepadanya. Ada pula sebaliknya, manusia yang membela kebatilan dengan segala daya upaya, halal atau haram, kerana dengan demikian ia perlu untuknya bagi mendapat nikmat dan kesedapan.

Bilakah agaknya akan dapat menghidupkan semula “budi cinta dan benci kerana Allah” ke dalam jiwanya untuk kebaikan umat dan agama Islam.

(Dipersesuaikan dari kitab “*al-Islām*”

karangan Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy).



Sebuah masjid yang indah sebagai lambang perjuangan Islam.

¹ Perkataan sebenar ialah menentu.